

20 OKTOBER 2017

Polis Perak tumpaskan sindiket dadah

Polis Perak tumpaskan sindiket dadah

IPOH 19 Okt. - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah ekoran penahanan dua lelaki dan merampas dadah jenis syabu dan pil eramin 5 keseluruhannya bernilai RM200,000 di sini, kelmarin.

Ketua Polis Perak, Datuk Hasnan Hassan berkata, dalam serbuan oleh sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak pada pukul 9.20 pagi, dua lelaki berusia 37 dan 40 tahun ditahan di tempat letak kereta sebuah kondominium di sini.

Menurutnya, pemeriksaan di bahagian dalam kereta jenis BMW dinaiki suspek menemukan dua bungkusan dadah jenis syabu seberat 2.1 kilogram dan 2,000 biji pil eramin 5.

"Kejayaan menumpaskan sindiket itu hasil intipan yang dibuat sejak dua bulan lalu.

"Dadah yang dirampas dipercayai dibawa dari Kuala Lumpur untuk dipasarkan di negeri ini dan polis masih mengesan empat lagi ahli sindiket ini," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurutnya, kedua-dua sus-



HASANAN HASSAN (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang ditemukan dalam sebuah kereta jenis BMW yang dinaiki dua suspek dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Perak di Ipoh, Perak, semalam. - UTUSAN/SYEFRIY MONIZ

pek yang berasal dari Jinjang masing-masing mempunyai empat dan lapan rekod jenayah lampau.

Beliau menjelaskan, hasil ujian saringan air kencing mendapati kedua-dua suspek positif dadah jenis syabu.

Katanya, polis turut meram-

pas pelbagai mata wang bernilai RM5,000 daripada kedua-dua suspek.

"Kedua-dua suspek direman selama tujuh hari sehingga 24 Oktober ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.